



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (45) 04/04

SUMBANGAN RM 2.16 JUTA UNTUK WARGA ATM
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1444H

KUALA LUMPUR, 13 April 23 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan hari ini telah menghadiri Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri oleh para penyumbang kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2023. Acara yang diadakan setiap tahun ini bertujuan bagi menghargai para penyumbang yang sentiasa menyokong dan menghargai perjuangan dan jasa ATM kepada Negara.

Tahun ini sebanyak 79 buah syarikat, badan korporat serta individu telah menyumbang kepada ATM. Majlis yang berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan ini telah menampilkan kehadiran semua penyumbang bagi menyampaikan cek *mock-up* dan sumbangan masing-masing kepada Menteri Pertahanan. Keseluruhan sumbangan sebanyak RM 2.16 juta telah diterima ATM dalam bentuk wang tunai, barangan keperluan dan juadah hari raya.

Dengan sumbangan tersebut, ATM telah menyedekahkan 15,000 beg yang akan diserahkan kepada semua perajurit dan pertwi negara yang bertugas menjaga keselamatan perbatasan dan kesejahteraan negara semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri 1444H di seluruh pelusuk tanah air melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pada majlis tersebut juga, beliau telah menyempurnakan penyampaian sumbangan dalam bentuk beg yang berisi pelbagai barangan sebagai simbolik penyerahan kepada Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Tentera Laut, Laksamana Daruk Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mond Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM dan Leftenan Jeneral Datuk Mohamad Hafizuddeain bin Jantan yang mewakili Panglima Tentera Darat.

Barangan sumbangan tersebut telah diterima dan dikumpul serta dilaksanakan pembungkusan semula oleh isteri-isteri pegawai dan anggota ATM yang sentiasa berganding bahu menjadi tulang belakang dalam membantu menjayakan sebarang keperluan ATM selama ini. Beliau juga turut menyampaikan sumbangan kepada Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Datuk Hajah Tengku Muhaini binti Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM mewakili Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ATM atas usaha dan tenaga kerja tersebut.


Tanggungjawab mempertahankan negara tidak hanya diletakkan ke atas ATM malahan agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat secara keseluruhannya. Keprihatinan dan sumbangan rakyat terhadap keperluan ATM mampu memastikan kesiagaan dan keupayaan ATM dapat diteruskan. Bukti keprihatinan rakyat ini adalah selari dengan konsep keseluruhan rakyat (whole of society) seperti yang dihasratkan dalam Kertas Putih Pertahanan.

Selain sumbangan tersebut, Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan mewakili ATM bagi menerima sumbangan Zakat, Wakalah dan Waad yang diserahkan oleh wakil daripada 8 agensi. Jumlah keseluruhan Zakat, Wakalah dan Waad yang disumbangkan adalah berjumlah RM 2.01 juta yang diterima daripada Affin Islamic Bank Berhad, Koperasi Tentera, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bersama Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Zakat Pulau Pinang, Lembaga Zakat Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Beliau turut melahirkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada para penyumbang kerana sentiasa menghulurkan sumbangan dan bantuan demi keperluan ATM.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Abdul Yaha, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muei bin Ali, Aziz, Ketua Staf ATM, Letenan Jeneral Dato' Arman Ruman bin Ahmad, Asisten Ketua Staf Berkhidmatan Anggota, Mejar Jeneral Mohamed Fauzi bin Kamis serta para pegawai kanan ATM.

Sebagai pertanyaan berkaitan acara boleh dihubungi, Lt Kol Zuhairy bin Limat di talian 012 - 613 8538 atau Mejar Siti Aishah bin Noor di talian 019 - 2679954.



“MALAYSIA MADANI’

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

12 April 2023